

JABATAN BIOSAINS, FAKULTI SAINS

KELUARAN : JAN - MAC 2020

<https://science.utm.my/biosciences/>

## BioBuzz Team

Penasihat:

Prof. Madya Dr. Shafinaz Shahir  
Dr. Siti Pauliena Mohd Bohari

Pengerusi:

Amalina Ramli

Ahli:

Dr. Nurzila Ab Latif

Dr. Siti Halimah Hasmoni

Hamidah Mat Arif

Hafnira Md Raduan

Wan Aznida Wan Mohd Anuar

Zulfauzi Zakaria



ALINA WAGIRAN

1 Januari

GOH KIAN MAU

15 Januari

FAHRUL ZAMAN HUYOP

18 Januari

HUSZALINA HUSSIN

28 Januari

RAZAUDEN MOHAMED ZULKIFLI

7 Februari

SITI PAULIENA MOHD BOHARI

7 Februari

HAFNIRA MD RADUAN

9 Februari

**UTM**  
Faculty of Science  
Restriction of Movement Due to COVID-19

**PEMAKLUMAN**  
**PERGERAKAN PELAJAR UTM JOHOR BAHRU**  
**SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**  
**KERANA COVID-19**

**UTM JOHOR STUDENTS**  
**WHEREABOUT NOTIFICATION DURING**  
**RESTRICTION OF MOVEMENT**  
**DUE TO COVID-19**

SCAN OR FOLLOW THIS LINK

<http://bit.ly/39Y1Vhk>

Setiap pelajar diminta untuk mengisi maklumat keberadaan pelajar pada tarikh 18 hingga 31 Mac 2020.

All students are required to fill in their particular whereabouts details from 18th till 31st March 2020

## PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Fasa 1: 18 Mac 2020 -  
31 Mac 2020



**Tahniah**

YBRS. PROF. DR. SHAHIR SHAMSIR OMAR

atas pelantikan sebagai  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENELIDIKAN DAN INOVASI)  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)  
Berkukuasa 15 Januari 2020 hingga 14 Januari 2023

Daripada: Pihak Pengurusan dan Warga Fakulti Sains

[www.utm.my](http://www.utm.my) |

**Congratulations!**

Dr. Fazilah Abdul Manan  
(Department of Biosciences)

Has been accepted for  
2020 Southeast Asia International Joint - Research and  
Training Program on Low Carbon and Green Energy  
National Tsing Hua University, Hsinchu, Taiwan

4 February – 15 February 2020

From: The Faculty of Science Management Team, Staff and Students

[www.utm.my](http://www.utm.my) |

**Tahniah**

Dr. Nor Ain Husein, Dr. Muhammad Safwan Abd. Aziz, Dr. Nabila Kasim, Dr. Faizuan Abdullah,  
Dr. Mohd Akmal Mohkter, Dr. Siti Aminah Setu (Sabtu), Dr. Joazaiulzafli Jamalis, Dr. Huszalina Hussin,  
Dr. Syazwani Itri Amran, PM, Dr. Yeak Su Hoe, Dr. Hang See Pheng, Dr. Zaiton Mat Isa, Dr. Fuadha Mohd Siam,  
Dr. Ahmad Qushairi Mohamad, Dr. Syarifah Zyurina Nordin, Dr. Hazzirah Izzaati Mat Hassim  
dan

Ahli-ahli kumpulan projek

	Projek
	Projek
	Projek

Penarafan Bintang Projek Libatsama Komuniti

Berimpak Tinggi Fasa 2/2019

Daripada: Pihak Pengurusan dan Warga Fakulti Sains

[www.utm.my](http://www.utm.my) |

STAFF	PROJECT TITLE	STAR RATING
HUSZALINA BINTI HUSSIN	KTP-NMG 2019: PEMINDAHAN TEKNOLOGI MENERUSI MODUL FERTIGASI CILI DAN PENAMBAHBAIKAN KANDUNGAN BAJA BIOKOMPOS SISA MAKANAN BERJADUAL BAGI PENJANAAN PENDAPATAN SEKOLAH	4
HUSZALINA BINTI HUSSIN	SUSTAINABLE FOOD WASTE COMPOSTING AT PILOT REGENERATION PROJECT AT URBAN FARMING BUKIT INDAH AND TAMAN SRI ORKID OF MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERIP)	3
SYAZWANI ITRI BINTI AMRAN	PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT: STEM 'EAT RIGHT BE BRIGHT' DI SEKOLAH KEBANGSAAN SRI GUNUNG PULAI, KULAI	3

## STAFF ACTIVITIES



### BENGKEL PERANCANGAN STRATEGI FAKULTI SAINS

Bengkel ini telah diadakan selama tiga hari bertempat di Mudzaffar Hotel Ayer Keroh, Melaka. Jabatan Biosains telah diwakili oleh Prof. Madya Dr. Shafinaz, Dr. Alina, Prof. Dr. Mohd Shahir Shamsir, Prof. Madya Dr. Nik Ahmad Nizam, Dr. Mohd Helmi, Dr. Huszalina dan Pn. Hamidah.

2 - 4 Januari 2020



### PROGRAM BRIDGING LIFE SCIENCES AND SECURITY COMMUNITIES BERSAMA INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE), KEMENTERIAN PERTAHANAN



Taklimat kesedaran ini telah diberikan oleh Dr. Zalini berkaitan *Biosecurity* yang perlu dipertingkatkan di peringkat Universiti khasnya. Jabatan Biosains telah disertai oleh Dr. Azman, Dr. Saleha, Dr. Khairunadwa dan Pn. Amalina di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim.

6 Januari 2020

### GOTONG-ROYONG MAKMAL ICL 1 & 2

Gotong-royong ini bertujuan membersihkan dan memindahkan semua peralatan dari Makmal Kolaborasi Industri 1 & 2 di aras 5 ke Makmal Pasca Siswazah 2 di aras 4. Perpindahan peralatan ini bertujuan memberi ruang kepada makmal dari CSNano. Gotong-royong ini telah disertai oleh Prof. Madya Dr. Madihah, Dr. Adibah, staf-staf makmal dan juga beberapa orang pelajar.



9 & 15 Januari 2020

### PROGRAM GOTONG ROYONG MENGEJEMAS STOR PERABOT T02

#### SEBELUM



#### SELEPAS



Aktiviti ini telah disertai oleh staf pejabat pentadbiran.

16 Januari 2020

## STAFF ACTIVITIES



### PROGRAM GOTONG ROYONG KEMAS BILIK KULIAH - PESEDIAAN SEMESTER II SESI 2019/2020



Aktiviti ini melibatkan staf pejabat pentadbiran dan juga staf makmal.

23 Januari 2020

### SHARING SESSION : GRANT APPLICATION

Sesi perkongsian ini telah dihadiri oleh Dr. Norahim, Dr. Saleha, Dr. Fazilah dan juga Pn. Hamidah. Program ajuran Fakulti ini telah diadakan di Dewan Kuliah 2, Blok C17, Fakulti Sains.

25 Januari 2020



### KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN STRATEGIK UNIVERSITI - PROSEDUR BARU PEROLEHAN UNIVERSITI SIRI 2/2020

Kursus ini telah disampaikan oleh En. Abdul Rashid dan Pn. Norhaliza dari Jabatan Bendahari. Kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan maklumat berkaitan prosedur kewangan terkini yang perlu dipatuhi oleh semua PTJ. Jabatan Biosains telah dihadiri oleh Dr. Alina dan Pn. Amalina.

29 Januari 2020



### BENGKEL PENYELARASAN KRITERIA LATIHAN KEMAHIRAN STAF TEKNIKAL



30 Januari 2020

Bengkel ini telah diadakan untuk memberi pendedahan kepada staf akademik dan PPP tentang kepentingan kemahiran pengendalian instrument untuk perkembangan kerjaya dan juga nilai yang dapat diperolehi pelajar. Bengkel ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Razali. Staf Biosains yang hadir ialah Prof. Madya Dr. Madihah, Prof. Madya Dr. Shafinaz, Dr. Huszalina, Dr. Goh, Dr. Siti Paulienah, Dr. Khairunadwa, Dr. Zaidah, Dr. Azman, Dr. Nurriza, Pn. Noor Hidayah dan juga Pn. Amalina.

## STAFF ACTIVITIES



### Kursus Effective Communication in OSH

Kursus ini bertujuan untuk penyelarasan senarai semak audit AKKP oleh semua auditor yang telah dilantik oleh pihak OSHE Universiti. Dr. Saleha dan En. Nazirul Mubin telah dilantik dan terpilih untuk menyertai kursus ini yang telah dijalankan selama dua hari di Pulai Springs Resort, Johor.

3 - 4 Februari 2020



### Kursus Microsoft Excel : Smarter, faster & better with Excel (Pertengahan & Lanjutan)



Kursus ini telah dihadiri oleh Pn. Farah Wahida Zaimudin selama dua hari di UTM TTC.

9 - 10 Februari 2020

### Sesi Penerangan UTMSAT dan Hari Kokurikulum UTM

Dewan Kuliah 1, Blok C17, Fakulti Sains  
PM Dr Azlan bin Taib (Director for Students Activities and Development)

Staf Akademik Biosains selaku penasihat akademik menghadiri taklimat ini untuk membantu dan mendorong para pelajar dibawah seliaan masing-masing untuk menghadiri hari kokurikulum UTM. Selain itu, taklimat ini juga memaklumkan mengenai rekod merit yang perlu dicatatkan oleh para penasihat akademik.



23 Februari 2020

### TAKLIMAT PENERBITAN EDITED BOOK

Dewan Kuliah 2, Blok C17, Fakulti Sains

Prof. Madya Dr. Ummul Khair telah mengadakan taklimat penerbitan *Edited Book* yang dikhatusukan kepada penerima Geran UTM-ER di Fakulti Sains. Taklimat ini dihadiri oleh Dr. Fazilah, Dr. Nor Izzati, Dr. Zarita dan Dr. Siti Halimah. Taklimat ini memberikan informasi dan tips mengenai peranan editor dan keperluan untuk menerbitkan sebuah buku penyelidikan.



25 Februari 2020

## STAFF ACTIVITIES



27 Februari 2020



### BENGKEL PENYEDIAAN COPPA

Dr. Faezah Mohd. Salleh telah mengetuai bengkel penyediaan audit pematuhan COPPA dan disertai oleh semua Pensyarah Biosains. Bengkel sehari ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Al-hazen.

### ROADSHOW PENGURUSAN BERSAMA STAF AKADEMIK : HALATUJU FS 2020

Dewan Kuliah 2, Blok C17, Fakulti Sains

Fakulti Sains telah mengadakan *Roadshow* bersama staf akademik untuk meningkatkan kesedaran di kalangan staf akademik tentang halatuju FS dari segi pengajaran dan pembelajaran, pengurusan, penyelidikan dan libatsama komuniti serta industri. Ini beriringan dengan keperluan Universiti untuk mencapai UTM *Global Phase III* dan sejurusnya *Envision 2025*. *Roadshow* ini dihadiri oleh kesemua staff akademik Biosains.

3 Mac 2020




### AUDIT DALAMAN AKKP 2019



Audit Dalaman Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) berlangsung selama 2 hari yang melibatkan semua makmal di blok T02 sempena AKKP 2019. Semua staf makmal Jabatan Biosains terlibat dalam melancarkan perjalanan audit kali ini.

3 - 4 Mac 2020

### AKTIVITI PEMBERSIHAN KAWASAN PEJABAT (Pencegahan dan Membasmi Kuman - Decon COVID19)



11 Mac 2020

Tindakan proaktif telah diambil oleh pihak Fakulti bagi membersihkan kawasan pejabat. Aktiviti ini telah disertai oleh staf pejabat pentadbiran dan juga staf makmal di T02.



## UTM-UNIVERSITY OF YORK BIOREFINERY AGRICULTURAL RESIDUES WORKSHOP



The workshop was led by Dr. Chong Chun Shiong with Prof. Dr. Neil Bruce from University of York, UK. The main aim of this workshop was to discuss the future research collaboration between both institutions, involving the utilisation of agricultural residues for generation of value product. The participants of the workshop included representatives from University of York, Biorenewable Development Centre, York and members of the Department of Biosciences, Faculty of Science, UTM.

24 Februari 2020

## PUBLIC LECTURE BY PROF. DR. NEIL AND DR. RATHBONE FROM UNIVERSITY OF YORK



A crowd of students came to the public lecture by Prof. Dr. Neil Bruce and Dr. Deborah Rathbone from University of York. Prof. Dr. Neil talk about his journey in his research and the career path he has gone through while Dr. Rathbone talk about the interface between academia and industry.

26 Februari 2020



## KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJITERIMA OUTDOOR UNIT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BLOK T02, FS



Kontraktor Seri Bakri & Services telah dilantik dan tempoh kerja bermula dari 22.12.2019 sehingga 28.3.2020

Kerja-kerja pembaikan penghawa dingin ini melibatkan sebahagian makmal di aras 4 dan Auditorium Al-Razi.

## KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG RATA SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI FAKULTI SAINS (T02)

Dimaklumkan Kontraktor Pro Nael Bina telah dilantik untuk kerja-kerja pembaikan *flat roof* dan tempoh kerja bermula dari 14.01.2020 sehingga 04.05.2020.

Kerja-kerja pembaikan ini melibatkan pembaikan bumbung rata dan *water proofing* di Blok T02.





# meet our alumni



*"Always  
give your  
best"*

## Roslindawati Haron

Bachelor of Science (Industrial Biology) 2001  
Master of Science (Bioscience) 2008

Position: Translator/Editor

Job scope:

1. Translate documents and certificates
2. Editing and proofreading theses, articles and translated documents
3. Conduct training on translation and CAT tools hands-on

Company: Qalam Hijrah Network (QHN)

*"It does not matter how slowly you go as long as you do not stop. Optimism is the faith that leads to achievement. Nothing can be done without hope and confidence "*



## Ahmad Zuhairi bin Abd Rahman

Bachelor of Science (Biology) 2010  
Master of Science (Bioscience) 2014


Position: Researcher & Chairman of the National Institute of Health Workers

Job scope:

1. Research focusing on stem cell application
2. Assist in gmp facility for cell based therapy product
3. Research on small molecule towards clinical application

Company: Institute for Medical Research (IMR), National Institutes of Health, Malaysia

# Tahniah





**TS. DR. MOHAMAD FAIZ BIN MOHD AMIN**  
**Ms.C (Biosains) 2010**  
**Bsc (Industri Biologi) 2007**

Atas pelantikan sebagai

**DEKAN FAKULTI SAINS BUMI**  
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Berkuat kuasa mulai 16 Januari 2020 – 31 Disember 2021

Ikhlas daripada  
*UTMAumni Unit, Universiti Teknologi Malaysia*



## COMMUNITY &amp; STUDENT ACTIVITIES



## GO-TO-MARKET PLAN COMPETITION

Satu program selama dua bulan yang telah dianjurkan oleh UTM Innovation and Commercialisation Centre (ICC) dan Azman Hashim International Business School (AHIBS). Program ini telah memilih 11 produk untuk dipertandingkan. Pensyarah dari Jabatan Biosains, Dr Huszalina dan Dr. Siti Paulienah telah mendapat hadiah saguhati sebanyak RM200 untuk produk masing-masing iaitu Yuki-Ko Composting Kit dan Mellirose.

7 Januari 2020

23 Januari 2020

## GRADUATE EMPLOABILITY PROPOSAL

Dr. Nurashikin binti Ihsan defended the Graduate Employability Proposal at the Ministry of Education. It is a program where graduates will undergo a-week classroom training on core-skills by Impact Volution Training and Consultancy, followed by 8-weeks of on-job training at the respective companies. Graduates will receive RM1500 per month as a stipend allowance through the program. However, we are still waiting for the official letter of appointment as the organiser of the program, as well as the cost that been approved for the program.



## COMMUNITY & STUDENT ACTIVITIES

### THE 2020 SOUTHEAST ASIA (2020 SEA) INTERNATIONAL JOINT-RESEARCH AND TRAINING WORKSHOP ON ENVIRONMENTALLY GREEN TECHNOLOGY AND SUSTAINABLE ENERGY WAS CONDUCTED AT NATIONAL TSING HUA UNIVERSITY (NTHU), TAIWAN

The 12-day comprehensive program was fully funded by the Ministry of Science and Technology (MOST), Taiwan. Dr. Fazilah Abd Manan, a senior lecturer from the Department of Biosciences, Faculty of Science, Universiti Teknologi Malaysia, was selected as one of the 25 participants from 10 different countries to join the program. Dr. Fazilah Abd Manan introduced her research work during the self-introduction session. She also conveyed related information about Universiti Teknologi Malaysia, particularly collaboration opportunity with the Faculty of Science, to the other participants.

4 - 15 Februari 2020



### GRADUATE EMPLOYABILITY ENHANCEMENT PROGRAM 2020

Module 1 of GEEP which is about Jumpstart: Career Forum was organized by Dr. Nurashikin, Dr. Chong and Dr. Siti Pauliena was attended by Bioscience's Final year student to help them after they graduated. Few speakers from industry came and gave talks about career and their experience to the student.

15 Februari 2020



### PENGENALAN HARI KOKURIKULUM UTM BERSAMA FAKULTI SAINS

*Faculty of Science Meet & Greet : In Conversation (1st Series)*  
Dewan Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru

Hari Kokurikulum ini telah dihadiri oleh semua pelajar dari Jabatan Biosains dan juga staff akademik Jabatan Biosains yang merupakan penasihat akademik para pelajar. Taklimat ini memaklumkan kepada pelajar agar menghadiri aktiviti kokurikulum secara optimum agar dapat menghasilkan graduan yang holistik dan meningkatkan kebolehpasaran. Penasihat akademik harus memantau agar pelajar di bawah seliaan mereka berjaya menghadiri aktiviti kokurikulum yang telah disediakan.

18 Februari 2020



## COMMUNITY & STUDENT ACTIVITIES



### SHORT COURSE ON MOLECULAR DOCKING: STRUCTURE-BASED VIRTUAL SCREENING FOR DRUG DISCOVERY 2020

Prof. Dr. Fahrul Zaman, Dr. Syazwani and lecturers from UIA, Dr. Azzmer and Dr. Khairul Bariyah conducted this short course on molecular docking using Molecular Dynamics. This course was attended by students and lecturers from UTM and other local universities.

16 Februari 2020



### PROGRAM LUNCH AND LEARN BERSAMA PROFESOR

Pejabat Pengajian Prasiswazah (UGS) telah memperuntukkan 4 sesi kepada setiap fakulti/ sekolah untuk pelaksanaan program “Lunch & Learn” untuk pelajar B40 yg terpilih di fakulti/ sekolah masing- masing. Prof. Dr. Fahrul Zaman bin Huyop telah menemui 12 pelajar B40 yang terpilih di Café C17.

1 Mac 2020

### PROGRAM SQ FOR MUSLIM BIOSCIENCE'S STUDENT

Dr. Abdul Fatah conducted a program for muslim Bio-science's student in conjunction for their compulsory Tuesday curriculum activity. This program enhance the student's spiritual quotient in order to undergo their gruelling student life.

10 Mac 2020



## SEMBANG IT



**UTM TREND MICR0**

**TAKLIMAT PERLAKSANAAN ANTIVIRUS TREND MICR0**

**13 FEBRUARI 2020**  
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT FIZIK**  
**FAKULTI SAINS, UTM**

**SESI 1 :**  
**TAKLIMAT PERLAKSANAAN ANTIVIRUS**  
**9.00 - 10.30 PAGI**

**SESI 2 :**  
**INSTALASI ANTIVIRUS TREND MICR0**  
**10.30 - 12.00 TGHARI**

**OLEH :**  
**JABATAN PERKHIDMATAN DIGITAL (UTMDigital)**  
**&**  
**UNIT IT Fakulti Sains**

**SEMUA WARGA FAKULTI SAINS DIJEMPUT HADIR.**  
**KEHADIRAN AKAN DIREKODKAN SEBAGAI MATA CPD.**

Unit IT Fakulti Sains sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua warga fakulti. Pada 13 Februari 2020, pihak Unit IT Fakulti Sains dengan bekerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Digital (UTMDigital) telah membuat satu sesi Taklimat Perlaksanaan Antivirus Trend Micro. Perolehan antivirus ini adalah salah satu langkah pihak UTMDigital dalam memastikan semua warga UTM menggunakan peralatan ICT yang selamat daripada ancaman luar seperti penggodam, virus, *malware* dan sebagainya. Tempoh pemakaian lessen bagi antivirus ini adalah selama 3 tahun bermula dari tahun 2019 hingga tahun 2022. Semasa taklimat ini berlangsung, pihak Unit IT turut membantu dalam membuat “*Backup Data*”, “*Uninstall*” antivirus SYMANTEC UTM dan juga installasi antivirus Trend Micro kepada semua warga fakulti yang hadir. Bagi warga fakulti yang masih belum membuat instalasi perisian ini, boleh pergi ke laman sesawang berikut <https://software.utm.my/main> bagi memuat turun perisian tersebut.



Penularan wabak *Coronavirus Disease (COVID-19)* telah menyebabkan banyak sesi kuliah yang terpaksa dibatalkan atau ditangguhkan bagi mengelakkan penularan wabak dengan lebih meluas. Sehubungan itu, staf akademik telah beralih arah ke *Educator 4.0* di mana ia adalah sesi pengajaran dan pembelajaran secara atas talian dengan menggunakan kaedah *Video Conferencing (VC)*. Unit IT Fakulti Sains turut juga membuat kajian dalam tatacara penggunaan VC. Pihak Unit IT fakulti juga telah menghadiri satu sesi khas oleh pihak UTMDigital bertajuk *Exploring Conferencing Application to Support Teaching and Learning at UTM* pada 16 Mac 2020 bertempat di Bilik Juniper, UTMDigital.

En. Mohd Khalid dan Tc. Zulfauzi telah mewakili Unit IT fakulti dalam menghadiri sesi taklimat tersebut. Dalam sesi tersebut, kami telah di berikan taklimat tentang jenis-jenis VC yang sesuai untuk di gunakan bagi membuat kelas di alam maya dan juga tatacara penggunaannya. Antara VC yang sesuai adalah ***Google Meets, Cisco Webex, Microsoft Teams, Zoom*** dan ***BigBlueButton***.

**GOOGLE MEETS / HANGOUT MEETS**

- Menggunakan perisian secara *web-based*
- Pensyarah login menggunakan email UTM
- Pensyarah membuat kelas
- Copy pautan yang diberi dan kongsikan ke dalam group *Whatsapp* pelajar atau subjek
- Pensyarah juga bole membuat rakaman ke atas sesi pengajaran tersebut

**CISCO WEBEX**

- Menggunakan perisian secara aplikasi windows atau *web-based*
- Pensyarah perlu mendapatkan ID Pengguna daripada pihak UTMDigital ([ctl@utm.my](mailto:ctl@utm.my), [nurbiba@utm.my](mailto:nurbiba@utm.my) dan [nihra@utm.my](mailto:nihra@utm.my))
- Pensyarah boleh membuat kelas dan memasukkan semua pelajar ke dalam kelas tersebut sebelum memulakan sesi kelas

**MICROSOFT TEAMS**

- Menggunakan perisian secara aplikasi windows atau *web-based*
- Pensyarah dan pelajar perlu mendapatkan ID pengguna [@live.utm.my](mailto:@live.utm.my) daripada pihak UTMDigital
- Pensyarah boleh membuat kelas dan memasukkan semua pelajar ke dalam kelas tersebut sebelum memulakan sesi kelas
- Pensyarah juga bole membuat rakaman ke atas sesi pengajaran tersebut

**ZOOM**

- Menggunakan perisian secara aplikasi windows atau *web-based*
- Daftar ID pengguna di dalam laman sesawang zoom